

1978

JAKARTA, 6 JUN (BERNAMA) — PRESIDEN SUHARTO BERIKRAR HARI INI, INDONESIA AKAN MENYOKONG MALAYSIA DALAM RUNDINGANNYA DENGAN BRITAIN BAGI MENCAPAI PENYELESAIAN YANG MEMUASKAN MENGENAI ISU CONCORDE.

BELIAU MEMBUAT IKRAR TERSEBUT KEPADA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGUNJUNGI PRESIDEN TERSEBUT DI PEJABAT PRESIDEN, BINA GRAHA DI SINI PAGI INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA KEMUDIANNYA, MALAYSIA MASIH BELUM PUASHATI DENGAN HASIL RUNDINGAN DENGAN BRITAIN MENGENAI SOAL CONCORDE.

SEMASA PERTEMUAN DENGAN PRESIDEN ITU, BELIAU TELAH MEMBERI TAKLIM KEPADA PEMIMPIN INDONESIA ITU TENTANG KEDUDUKAN TERBARU MENGENAI RUNDINGAN DENGAN PIHAK BERKUASA BRITISH BAGI MENCAPAI SATU PENYELESAIAN YANG LEBIH BERERTI.

BELIAU MENGHARGAI SOKONGAN TERUS PEMIMPIN INDONESIA ITU YANG MEMAHAMI KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM MENGHADAPI MASALAH TERSEBUT.

PEGAWAI-PEGAWAI INDONESIA TELAH BEBERAPA KALI MENYATAKAN BAHAWA KERAJAAN INDONESIA TIDAK AKAN MEMBENARKAN KAPALTERBANG CONCORDE BRITISH AIRWAYS — SIA TERBANG DIANGKASA INDONESIA SEHINGGA SATU PENYELESAIAN TERCAPAI ANTARA BRITAIN DENGAN MALAYSIA. —BERSAMBUNG 1511/BY

SUHARTO-CONCORDE 2 JAKARTA

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGUMUMKAN BAHAWA SEMASA RUNDINGAN DENGAN PRESIDEN ITU, BELIAU TELAH JUGA MENIMBULKAN SOAL MEMBERIKAN PERANAN YANG LEBIH BESAR KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT PENERBANGAN ASEAN DI RANTAU INI.

BELIAU BERKATA, SEKARANG INI KEBANYAKAN PELANCUNG KELUAR MASUK RANTAU INI DENGAN MENAIKI KAPALTERBANG BUKAN ASEAN.

+KITA SEPATUTNYA YANG MEMBAWA MEREKA,+ TEGASNYA.

BELIAU MENGESYORKAN SUPAYA SATU PENDEKATAN BERSAMA DIBUAT BAGI SYARIKAT-SYARIKAT PENERBANGAN ASEAN MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BESAR.

DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU PRESIDEN ITU TENTANG PROJEK BAJA UREA MALAYSIA DI BINTULU SARAWAK YANG TELAH DITERIMA OLEH PARA MENTERI EKONOMI ASEAN KELMARIN SEBAGAI PROJEK ASEAN.

PROJEK ITU AKAN DILAKSANAKAN SAMA SEPERTI PROJEK BAJA UREA INDONESIA DI ACHEH, SUMATRA.

KILANG BAJA DI BINTULU ITU AKAN MENGELUARKAN SAMA BANYAK BAJA DENGAN KILANG DI ACHEH IAITU 1,500 TAN SEHARI DENGAN MENGGUNAKAN 1,000 TAN AMONIA SEHARI YANG DIKELUARKAN OLEH KILANG TEMPATAN.

—BERSAMBUNG 1515/RV

SUHARTO-CONCORDE 3 JAKARTA

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, RUNDINGAN BAGI PERJANJIAN USAHA SAMA AKAN DIADAKAN TIDAK LAMA LAGI ANTARA KELIMA-LIMA RAKAN ASEAN.

KATANYA, KELULUSAN PROJEK ITU ADALAH KENA MASANYA DENGAN PEMBIAYAAN DARI JEPUN.

DALAM RUNDINGAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN PRESIDEN SUHARTO TELAH MENYENTUH BEBERAPA PERKARA DUA HALA MELIPUTI PERDAGANGAN DAN PELANCUNGAN.

DALAM PERTEMUAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR DIIRINGI OLEH DUTA BESAR MALAYSIA DI SINI DATUK HASHIM SULTAN.

SEMENTARA ITU DATUK SERI DR. SITI HASMAH HARI INI MENGUNJUNGI WANITA PERTAMA, IBU TIEN SUHARTO.

BELIAU DIIRINGI OLEH IBU WIDJOJO NITISASTRO, ISTERI KEPADA MENTERI PENYELARASAN EKONOMI, KEWANGAN DAN HAL EHWAL PERINDUSTRIAN INDONESIA.

—BERNAMA 1529/BY